

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO' SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI
DI PROGRAM ALONG BERSAMA KANAK-KANAK ISTIMEWA
SEMPENA MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA
DI DEWAN TUN DR. ISMAIL, PWTC, KUALA LUMPUR
PADA HARI AHAD, 23 APRIL 2000
JAM 3.20 PETANG**

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) kerana menjemput saya bersama-sama meraikan anak-anak yang tersayang pada petang ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada PNB kerana usahanya menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM). Sesungguhnya program yang melibatkan anak-anak istimewa yang hadir pada petang ini adalah satu usaha yang murni dan merupakan satu langkah yang patut dicontohi oleh semua pihak dalam menjayakan konsep masyarakat penyayang, terutama di kalangan warga korporat.

2. Adalah menjadi satu kenyataan bahawa kanak-kanak merupakan kekayaan negara dan juga kekayaan keluarga. Oleh kerana kanak-kanak merupakan aset tertinggi dan golongan yang sangat 'vulnerable', mereka memerlukan perhatian dan jagaan yang istimewa. Mereka perlu dilengkapi dengan pendidikan, kemahiran serta nilai hidup positif sebagai bakal generasi muda yang akan menggantikan tempat kita pada masa hadapan. Semua golongan kanak-kanak perlu diambil kira dan perhatian khusus terutamanya diberi kepada mereka yang kurang bernasib baik. Langkah ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang.

3. Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh Kerajaan dan juga badan-badan sukarela dalam merancang pelbagai program adan strategi ke arah kehidupan, pembangunan dan perlindungan kanak-kanak, terutama kanak-kanak istimewa bagi memastikan keperluan mereka dijaga dengan sempurna. Ini dijalankan melalui usahasama pelbagai

kementerian, agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, termasuk pertubuhan-pertubuhan sukarela dengan warga korporat.

4. Namun begitu, kita sedar masih banyak usaha perlu dipertingkatkan untuk memperbaiki keadaan kehidupan, perlindungan dan pembangunan kanak-kanak keseluruhannya. Justeru itu, saya menyeru semua pihak untuk sama-sama berganding bahu mengkaji program masing-masing dan melaksanakan program yang bersesuaian, seiaras dengan hasrat Kerajaan supaya tidak ada golongan kanak-kanak yang tertinggal daripada perancangan program, terutama mereka yang memerlukan jagaan khas. Antara aspek yang perlu diberi perhatian ialah cara-cara untuk membekalkan pendidikan lengkap dan seimbang untuk kanak-kanak, termasuk nilai etika dan moral yang tinggi serta pengetahuan kemahiran hidup; mempertingkatkan strategi untuk pencegahan penyakit-penyakit berjangkit dan penyakit kronik; serta menyediakan kemudahan komprehensif untuk jagaan kanak-kanak cacat daripada segi pendidikan, pemulihan dan latihan kemahiran.

5. Pembangunan ekonomi jika tidak diseimbangkan dengan pembangunan sosial akan melahirkan golongan masyarakat yang 'self-centred' dan materialistik. Saya amat berbangga dengan usaha badan-badan korporat seperti Kumpulan PNB yang telah memberikan sumbangan yang sesuai dalam membantu pertumbuhan positif masyarakat dalam bidang sosial. Penganjuran MSAM ini sememangnya sesuai dan tepat pada masanya dengan usaha meningkatkan keupayaan ekonomi negara, dan dengan melibatkan anak-anak istimewa ini dalam aktiviti yang diadakan, ia merupakan satu langkah yang prihatin yang membayangkan kanak-kanak istimewa ini juga tidak dilupakan di dalam sambutan MSAM. Malah, dengan penyertaan anak-anak istimewa ini menunjukkan PNB begitu prihatin dan endah tentang pentingnya memperseimbangkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan pendidikan dengan aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial. Penyertaan Along, personaliti program TV Along bersama dengan anak-anak istimewa pastinya akan memeriahkan majlis pada petang ini.

6. Program TV Along yang ditaja oleh PNB juga merupakan satu usaha yang positif oleh PNB dalam mengubah budaya masyarakat, terutama persepsi kanak-kanak terhadap mata pelajaran matematik. Saya yakin Rancangan TV Along ini dalam jangka panjang mampu menerapkan pendidikan berkesan kepada anak-anak kita untuk sukakan matematik. Kita harus memastikan pemikiran anak-anak kita didedahkan dengan elemen-elemen positif dan rangsangan yang dapat membangunkan minda mereka dengan sebaik-baiknya. Saya bangga dengan sumbangan PNB ini dan berharap ini akan diteruskan dalam melahirkan golongan generasi muda yang bermatlamat dan mampu memimpin negara ini ke arah kecemerlangan berterusan di masa-masa akan datang.

7. Kita harus bersyukur kerana Malaysia tidak ditimpa dengan keadaan teruk yang membavvakan masalah kanak-kanak dalam keadaan kesukaran. Setiap hari kita lihat dan membaca kisah kanak-kanak seluruh dunia yang ditimpa kemalangan seperti peperangan, bencana alam - gempa bumi dan ribut taufan: kelaparan dan tiada bekalan makanan dan sebagainya. Saya baru sahaja pulang dari Iraq bulan Mac lalu dan melihat sendiri penderitaan kanak-kanak akibat sekatan ekonomi yang dilakukan. Melihat penderitaan mereka saya merasa terharu dan cukup sedih dengan kesengsaraan rakyat Iraq terutamanya kanak-kanak. Kita seharusnya insaf dengan penderitaan mereka dan sebaik-baiknya kita mesti pastikan bahawa masyarakat kita di sini agar mengambil iktibar daripada kesengsaraan yang pihak lain alami dengan memastikan kita di Malaysia ini hidup dalam keadaan yang harmoni dan bersatupadu.

8. Kita di Malaysia ini bertuah kerana dalam usaha pengubahsuaian struktur ekonomi dan sosial negara, program-program yang melibatkan kesihatan, kebajikan dan pembangunan kanak-kanak tetap diberikan keutamaan walaupun semasa kemelesetan ekonomi.

9. Program-program pembangunan negara, akan terus dilaksanakan dan ditambah baikkan dari semasa ke semasa yang mana keperluan kanak-kanak akan diberikan perhatian yang serius. Kerjasama dan penglibatan kesemua sektor, agensi, pihak swasta, pertubuhan sukarela dan kumpulan masyarakat dalam usaha murni ini perlu

digiatpesatkan bagi memastikan program-program pembangunan ini mencapai matlamatnya.

10. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur Majlis ini yang telah bersungguh-sungguh menjayakan majlis pada petang ini. Terima kasih juga diucapkan kepada syarikat-syarikat PNB yang telah turut memberikan sumbangan mereka kepada persatuan-persatuan yang nadir pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji Abd. Hamid dan Puan Sri Sagiyah Salikin, serta semua yang hadir kerana sudi menjemput saya merasmikan program Along Bersama Kanak-kanak Istimewa ini.

11. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati Majlis MSAM ini.
